

- Apakah tujuan sesebuah perniagaan dijalankan?
 - Meningkatkan taraf hidup
 - Mewujudkan peluang pekerjaan
 - Menggalakkan persaingan yang sihat
 - Menawarkan barang dan perkhidmatan
- Apakah kelebihan milikan tunggal berbanding perkongsian?
 - Liabiliti terhad
 - Modal lebih besar
 - Jangka hayat berterusan
 - Mudah membuat keputusan

- Pilih padanan yang betul.

	Rentak Setia Sendirian Berhad	Inovasia Berhad
A	Hal ehwal kewangan diumumkan	Hal ehwal syarikat dirahsiakan
B	Bilangan pemegang syer tidak terhad	Bilang pemegang syer terhad
C	Syer boleh dijual kepada orang awam	Syer tidak boleh dijual kepada orang awam
D	Syer boleh dipindah milik dengan kebenaran	Syer boleh dipindah milik dengan bebas

- Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan pengilangan.

Syarikat	Jualan tahunan	Pekerja tetap
I	RM500 000	20 orang
II	RM20 juta	80 orang

Manakah klasifikasi perniagaan yang betul?


	I	II
A	Sederhana	Besar
B	Kecil	Besar
C	Kecil	Sederhana
D	Besar	Sederhana

- 5 Gambar berikut merupakan logo sebuah perniagaan.



Apakah skala perniagaan tersebut?

- A. Kebangsaan
 - B. Negeri
 - C. Global
 - D. Zon
- 6 Gambar berikut merupakan logo agensi kerajaan.



Apakah peranan agensi tersebut?

- A. Menjalankan penyelidikan dalam bidang pertanian
- B. Memastikan produk di pasaran menepati piawaian yang ditetapkan
- C. Meningkatkan nilai perkembangan keluaran terhadap minyak sawit Malaysia
- D. Menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan tenaga elektrik

7 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ekonomi.

- Masalah peningkatan harga barang secara berterusan
- Kuasa beli pengguna menurun

Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

- I. Meningkatkan kadar cukai
 - II. Meningkatkan kadar faedah
 - III. Meningkatkan aktiviti import
 - IV. Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

8 Maklumat berikut berkaitan trend persekitaran perniagaan.

MIDF Research menjangkakan kenaikan harga barang meningkat sebanyak 2% dalam bulan Januari 2026 berbanding tahun 2025. Peningkatan harga ini menjejaskan permintaan dalam pasaran domestik di Malaysia kerana kuasa beli penduduk yang semakin merosot.

Apakah trend persekitaran perniagaan dan faktor luaran yang mempengaruhinya?

- A. Trend meningkat dan dipengaruhi oleh faktor sosiobudaya
- B. Trend mendatar dan dipengaruhi oleh faktor teknologi
- C. Trend menurun dan dipengaruhi oleh faktor ekonomi
- D. Trend meningkat dan dipengaruhi oleh faktor persaingan

9 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi.

Peningkatan harga minyak mentah di pasaran global serta gangguan rantai bekalan makanan telah menyebabkan kos bahan mentah bagi industri pembuatan makanan di Malaysia meningkat sebanyak 15%. Kesannya peniaga menaikkan harga jualan produk bagi menampung kos operasi mereka.

Bagaimanakah kerajaan menangani isu tersebut?

- A. Memperkasakan Akta Kontrak 1950 bagi mengawal elemen perjanjian antara pembekal dan peniaga
 - B. Meningkatkan kadar faedah simpanan bagi menggalakkan penduduk menyimpan wang di bank
 - C. Memberikan subsidi kepada pengeluar bagi mengawal kenaikan kos pengeluaran barang
 - D. Melaksanakan dasar fiskal bagi meningkatkan pendapatan pengguna
- 10 Pilih pasangan yang betul.

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A	Kewangan	Teknologi Maklumat
B	Ekonomi	Pemasaran
C	Pengeluaran	Ekologi
D	Teknologi	Politik

11 Situasi yang manakah berkaitan dengan ciri-ciri objektif yang boleh diukur?

- A. Aini Enterprise menggunakan carta Gantt dalam menyiapkan 20 000 pasang kasut
- B. Mak Siti Trading menganggarkan peningkatan jualan sebanyak 20% pada tahun semasa
- C. EcoPandu Sdn Bhd menyasarkan pengeluaran produk skuter elektrik bermula tahun hadapan
- D. Kedai Kek Amy menetapkan pembukaan cawangan dalam tempoh tiga tahun operasi



- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Kafe Semulia terpaksa mengubah visi dan misi mereka dengan memberi penekanan kepada penggunaan bahan yang lebih berkualiti, pematuhan piawaian kesihatan, dan penyediaan maklumat nutrisi yang lengkap kepada pengguna.

Apakah faktor luaran yang mendorong kepada perubahan tersebut?

- A. Pengeluaran
 - B. Undang-Undang
 - C. Kewangan
 - D. Ekonomi
- 13 Antara berikut, yang manakah merupakan kos berubah?

- I. Sewa
- II. Upah pekerja
- III. Bahan mentah
- IV. Insurans

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV


- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran kasut bagi Perniagaan Erika.

Jumlah Pengeluaran	45 000 unit
Harga seunit	RM250
Kos tetap	RM50 000
Kos berubah sepasang kasut	RM50

Berapakah kuantiti pengeluaran kasut pada titik pulang modal?

- A. 180 unit
- B. 200 unit
- C. 225 unit
- D. 250 unit

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.



Apakah **X**?

- A. Jualan
 - B. Kewangan
 - C. Pemasaran
 - D. Khidmat pelanggan
- 16 Encik Firas mendapati stok bahan mentah syarikat semakin berkurangan lalu membuat tempahan baharu daripada pembekal.

Apakah bahagian fungsian yang terlibat?

- A. Pentadbiran
 - B. Pengeluaran
 - C. Pengagihan
 - D. Pembelian
- 17 Maklumat berikut berkaitan aplikasi teknologi maklumat.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Pelanggan membuat tempahan dan pengesahan pembelian• Pembayaran secara dalam talian |
|--|

Apakah aplikasi tersebut?

- A. e-dagang
- B. e-banking
- C. e-pemasaran
- D. e-government

- 18 Antara yang berikut, manakah merupakan kepentingan interaksi peniaga dengan organisasi luar?
- I. Memaksimumkan kecekapan penggunaan dokumen
 - II. Meningkatkan pematuhan jadual pengeluaran
 - III. Menambahkan sumber perniagaan
 - IV. Mewujudkan jaringan perniagaan
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
- 19 Bagaimanakah bahagian fungsian khidmat pelanggan perniagaan besar dapat membantu perniagaan kecil?
- A. Memastikan pekerja mencukupi
B. Memantau setiap perbelanjaan
C. Membantu teknik pengurusan
D. Meluaskan pasaran sedia ada
- 20 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan sistem pemberhentian pekerja?
- A. Mewujudkan konflik antara majikan dengan pekerja
B. Menyebabkan pembaziran sumber manusia
C. Memberikan penghargaan kepada pekerja
D. Meningkatkan motivasi pekerja
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

Pengurus sumber manusia Syarikat Khawee memperkenalkan konsep Kaizen kepada semua pekerja untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Apakah peranan tersebut?

- A. Prestasi pasukan
B. Menggalakkan kreativiti
C. Latihan peningkatan kemahiran
D. Pemantapan budaya profesional

- 22 Syarikat Zipper Sdn. Bhd. mengamalkan struktur organisasi yang sistemnya berbilang arahan.

Apakah jenis struktur organisasi tersebut?

- A. Fungsi
- B. Produk
- C. Matriks
- D. Wilayah

- 23 Situasi manakah menunjukkan komisen?

- A. Puan Aina membayar pendahuluan diri kepada pekerjaanya
- B. Sinar DB Enterprise memberikan insentif kepada pekerjaanya mengikut jumlah hasil jualan bulanan
- C. Restu Rais Sdn. Bhd. membayar pekerjaanya bayaran tambahan daripada gaji asas bagi kehadiran penuh
- D. Padu Tekno Trading memberi penghargaan kepada pekerjaanya berdasarkan prestasi perniagaan pada akhir tahun

- 24 Antara yang berikut, manakah merupakan sumber fizikal dalam perniagaan?

- I. Komputer
- II. Jentera
- III. Lukisan
- IV. Lesen perisian

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

- 25 Pengurus Cekap Express merekodkan semua komputer pejabat ke dalam sistem inventori serta memberikan nombor siri pada setiap unit.

Apakah tujuan prosedur tersebut?

- A. Memastikan aset mencukupi
- B. Mengurangkan risiko kerosakan aset
- C. Memudahkan kawalan dan pemantauan aset
- D. Melakukan penyelenggaraan aset secara berkala

26 Apakah tujuan usahawan memohon hak cipta terpelihara?

- A. Hak perundangan ke atas ciptaan mereka
- B. Pelindungan polisi insurans jaminan setia
- C. Risiko kerosakan peralatan dapat dikurangkan
- D. Kebenaran menjual produk mereka ke luar negara

27 Apakah sumber pembiayaan dalaman?

- A. Rizab
- B. Gadaian
- C. Overdraf
- D. Sewa beli

28 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.

Puan Aliya telah menyewa sebuah van daripada bank dengan tujuan untuk membeli van tersebut.

Apakah kelebihan sumber pembiayaan tersebut?

- A. Tempoh bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan peminjam
- B. Memerlukan cagaran dalam bentuk harta atau aset tetap
- C. Tidak melibatkan kos seperti faedah atas pinjaman
- D. Cepat dan ringkas untuk diuruskan

29 Butiran yang manakah dikategorikan sebagai aset semasa dalam Kunci Kira-kira?

- A. Akaun Belum Bayar
- B. Pinjaman bank
- C. Kenderaan
- D. Inventori

30 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Edayu Enterprise.

Kuantiti	10 000 unit
Harga seunit	RM30
Kos seunit	RM19
Belanja pentadbiran	RM18 000
Kos promosi	RM2 000

Berapakah untung bersih perniagaan tersebut?

- A. RM90 000
 - B. RM92 000
 - C. RM110 000
 - D. RM300 000
- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan sebab pihak berkepentingan memerlukan penyata kewangan.

- Menilai prestasi perniagaan - Membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran

Siapakah pihak yang berkepentingan tersebut?

- A. Institusi kewangan
 - B. Pihak pengurusan
 - C. Pemegang saham
 - D. Pembiaya
- 32 Maklumat berikut diperoleh daripada Kunci Kira-kira firma Wong Trading.

Butiran	RM
Aset semasa	25 000
Liabiliti semasa	5 000
Aset bukan semasa	50 000
Liabiliti bukan semasa	5 000

Berapakah nilai Nisbah Semasa?

- A. 1 : 1
- B. 2 : 1
- C. 5 : 1
- D. 10 : 1



33 Apakah kelebihan kerjaya usahawan kepada masyarakat?

- A. Mewariskan perniagaan kepada generasi lain
- B. Membentuk keperibadian yang positif
- C. Mewujudkan kerjasama serantau
- D. Menawarkan pelbagai produk

34 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.


Puan Ika telah bekerja sebagai pembantu butik selama 10 tahun. Pada usia 30 tahun, beliau memulakan butiknya dengan menggunakan simpanan sebanyak RM50 000.

Apakah faktor yang dipertimbangkan oleh Puan Ika untuk memulakan perniagaannya?

- I. Lokasi
- II. Modal
- III. Kemahiran
- IV. Bantuan profesional

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

35 Rajah berikut berkaitan keberuntungan perniagaan.



Situasi yang manakah berkaitan dengan Y?

- A. Damisa Sdn. Bhd. membina pusat latihan kemahiran digital bagi golongan belia di kawasan luar bandar
 - B. Haris Trading mengeluarkan rangkaian produk baharu untuk memenuhi cita rasa pengguna
 - C. Melati Partners PLT menarik pelaburan baharu sebagai modal tambahan
 - D. Syarikat TST menawarkan ganjaran yang kompetitif kepada pekerjanya
- 36 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan Akta Syarikat 2016?
- A. Terpakai di semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan
 - B. Menggabungkan ciri syarikat dan perkongsian
 - C. Modal diperolehi melalui sumbangan saham
 - D. Bilangan ahli antara 2 hingga 20 orang
- 37 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Encik Hakim menghantar dokumen kepada SSM selepas menambah beberapa jenis rangkaian perkhidmatan baharu yang ditawarkan oleh perniagaannya.

Apakah jenis dokumen tersebut?

- A. Lesen Perniagaan
- B. Nota Serahan
- C. Borang B
- D. Borang D

38 Apakah dokumen yang berkaitan dengan pembelian barang secara kredit?

- A. Invois
- B. Memo
- C. Bil utiliti
- D. Penyata bank

39 Encik Fendi telah memberikan sampel percuma sempena pembukaan kedai baharu bagi menarik lebih ramai pelanggan.

Apakah elemen campuran pemasaran yang digunakan oleh Encik Fendi?

- A. Produk
- B. Harga
- C. Promosi
- D. Agihan

40 Antara yang berikut, manakah kepentingan rancangan perniagaan?

- I. Merancang sumber perniagaan
- II. Meyakinkan pihak pelabur
- III. Menjamin keuntungan perniagaan
- IV. Memberi panduan kaedah mengatasi kerugian

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV